

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]

SOALAN : Tuan Gooi Hsiao-Leung minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah cabaran-cabaran yang akan dihadapi oleh pesawah padi dan pihak berkepentingan dalam sektor beras di bawah TPPA, dan bagaimanakah Kementerian akan membantu mereka mengatasi cabaran-cabaran tersebut

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah TPPA, Malaysia telah memperoleh pengecualian ke atas mekanisma pengimportan dan pengedaran beras. Dengan pengecualian ini, semua dasar berkaitan pengimportan beras dikekalkan sedia ada dan dipinda sekiranya ada keperluan di pihak Kerajaan.

Oleh yang demikian, tidak perlu ada bentuk kawalan yang baru dari segi kemasukan beras daripada luar negara serta tidak perlu ada langkah perlindungan yang baru untuk melindungi kepentingan sektor padi dan beras tempatan serta pendapatan petani.

Ini adalah kerana Perjanjian TPPA tidak akan membawa sebarang kesan kepada industri padi dan beras tempatan. Langkah ini juga diambil kerana beras adalah komoditi strategik, ianya merupakan makanan ruji rakyat Malaysia dan menjadi dasar Kerajaan untuk melindungi kepentingan petani serta mempertahankan sektor pengeluaran padi dan beras tempatan.